

NO. SOALAN: 318

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [BACHOK]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10119

SOALAN :

**Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan statistik jenayah bagi setiap mukim
dalam Parlimen Bachok bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.
Apakah komitmen terbaru Kerajaan dalam membendung jenayah di
Bachok.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik kadar kejadian jenayah indeks di Parlimen Bachok, Kelantan yang terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Bachok dari tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti berikut:

KESALAHAN		TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016	JUMLAH
JENAYAH KEKERASAN :						
1	BUNUH	4	1	3	1	9
2	ROGOL	28	20	25	21	94
3	SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	1	1	0	2
4	SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	21	23	5	8	57
5	SAMUN BERSENJATA A'PI	0	0	0	0	0
6	SAMUN TANPA SENJATA API	2	3	2	1	8
7	MENCEDERAKAN	39	48	51	54	192
JUMLAH		94	96	87	85	362
JENAYAH HARTABENDA :						
8	CURI	36	75	79	88	278
9	CURI MOTOKAR	32	32	48	17	129
10	CURI MOTOSIKAL	207	160	116	104	587
11	CURI VAN/LORI/J'BERAT	5	6	4	5	20
12	CURI RAGUT	7	5	9	3	24
13	PECAH RUMAH DAN CURI	119	85	83	73	360
JUMLAH		406	363	339	290	1,398
JUMLAH JENAYAH INDEKS		500	459	426	375	1,760

Dalam membendung kadar jenayah daripada terus meningkat termasuk di daerah Bachok, PDRM telah mengambil langkah yang proaktif untuk mengurangkan kadar jenayah, antaranya seperti berikut:

- i) melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime (UAC)* bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah;
- ii) Program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama dengan pihak swasta seperti *7-Eleven*, *Pos Malaysia Bhd* dan stesen minyak *Petron* dan *Shell* dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah; dan
- iii) mewujudkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pada 9 Jun 2014 bertujuan melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah secara menyeluruh dan lebih tersusun dari peringkat nasional sehingga ke peringkat daerah.